

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku merokok di kalangan pelajar sekolah. Tiga persoalan utama yang dikaji iaitu faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor persekitaran. Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan di SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor. Responden kajian ini terbatas kepada pelajar yang dikenal pasti dan mempunyai rekod pernah ditangkap atas kesalahan merokok oleh guru disiplin sekolah. Kajian ini berbentuk deskriptif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS Versi 13.5 for Windows (*Statistical Package For The Social Sciences*) bagi mendapatkan hasil kekerapan, peratus dan min. Daripada 3 persoalan tersebut didapati nilai min keseluruhan adalah sederhana. Keputusan kajian keseluruhan mendapati faktor persekitaran adalah faktor yang lebih kuat dalam mempengaruhi pelajar merokok berbanding dengan faktor keluarga dan faktor rakan sebaya. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dilakukan.

## ABSTRACT

The purpose of this survey is to identify factors that influence smoking habit among the students. Three main factors investigated are peer group, family and environment 30 students of form one to form five comprises of boys and girls at SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johore are involved in the study. Students who are identified and caught smoking by the disciplinary teachers are selected as the respondent of the study. This study is descriptive in nature and questionnaire is used as a main data collection procedure. The SPSS software Version 13.5 for Windows (*Statistical Package For The Social Sciences*) is employed to analyse the data in order to find out the frequency, percentage and mean. The overall means for all factors are moderate. The overall result shows that environmental factor is the dominant factor that influenced students to smoke compared to family and peer group factors. Some suggestions are also discussed.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Berdasarkan hasil tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health And Morbidity Survey) pada tahun 1995 prevalen perokok di kalangan remaja berumur 12-18 tahun pada tahun itu secara keseluruhan ialah 16.7 %. Secara berasingan prevalen perokok di kalangan remaja lelaki ialah 30 % dan remaja perempuan ialah 5 %. Suatu kajian susulan yang dijalankan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2000, menunjukkan prevalen perokok di kalangan remaja ini telah meningkat kepada 18 %. Peningkatan prevalen perokok di kalangan remaja daripada 16.7 % pada tahun 1995 kepada 18 % pada tahun 2000 adalah kerana peningkatan mendadak prevalen perokok di kalangan remaja perempuan daripada 5 % kepada 8 %.

Menurut Julie Rosnani (2003, 37) terdapat kesan buruk yang diperoleh oleh perokok seperti ditimpa pelbagai penyakit seperti sakit jantung, kanser paru-paru, barah, mandul dan yang jelas sekali merokok membazirkan wang ringgit. Sebenarnya perokok - perokok ini bukannya tidak mengetahui kesan buruk yang akan dialami oleh mereka tetapi disebabkan ketagihan serta hanya melihat kepada kebaikan sahaja maka mereka tidak memikirkan langsung kesan buruk yang akan membahayakan diri serta orang lain.

Laporan Kementerian Kesihatan dalam kempen “Anti Merokok Tak Nak” (2004) telah menyenaraikan beberapa penyakit kronik kesan daripada merokok antaranya ialah kanser paru-paru, COPD (enfisima dan bronkitis), kanser kerongkong, kanser mulut dan tekak, kanser esophagus, strok, crohn’s disease, penyakit jantung iskemia, kanser pundi kencing, artherosclerosis, ulser pepetik, kanser pancreas dan pneumonia. Selain dari itu, merokok juga mempercepatkan proses penuaan dan memendekkan usia seseorang.

Selain itu, menurut Ahmad (2004) pihak kerajaan juga telah melaksanakan kempen anti merokok dengan lebih hebat di setiap jabatan, daerah, kampung dan sebagainya. Menariknya dalam kempen tersebut ialah golongan yang menjadi sasaran utama ialah remaja yang berumur 13 sehingga 21 tahun. Ini kerana kerajaan sedar bahawa golongan yang tinggi merokok adalah di kalangan remaja.

Berdasarkan Jadual di bawah yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan dalam kempen Cara Hidup Sihat (2003) yang menyatakan mengapa seseorang itu perlu berhenti merokok dari sudut ekonomi. Berhenti merokok, perbelanjaan mendapatkan rawatan penyakit akibat merokok dapat dijimatkan selain menjimatkan wang.

**Jadual 1.1 :** Mengapa perokok perlu berhenti dari sudut ekonomi

<b>Bil. Batang Rokok</b>	<b>10</b>	<b>20</b>	<b>30</b>	<b>40</b>
Kos Rokok Sehari (RM)	2.50	5.00	7.50	10.00
Satu Minggu (RM)	17.50	35.00	52.50	70.00
Satu Bulan (RM)	75.00	150.00	225.00	300.00
Satu Tahun (RM)	900.00	1800.00	2700.00	3600.00
5 Tahun (RM)	4500.00	9000.00	13500.00	18000.00
10 Tahun (RM)	9000.00	18000.00	27000.00	36000.00

Sumber : Kempen Cara Hidup Sihat (2003)

Majalah Dewan Masyarakat (11 Julai 1990) melaporkan seorang rakyat Semenanjung Malaysia puratanya membelanjakan sebanyak RM 1.50 sehari. Jumlah perbelanjaan membeli rokok bagi Semenanjung Malaysia ialah RM 4.6 juta sehari atau RM 1.69 bilion setahun. Jumlah ini adalah hampir dengan perbelanjaan pertanian dan pembangunan luar bandar iaitu sebanyak RM 1,693,000,000. Malah perbelanjaan untuk membeli rokok melebihi sebanyak RM 4,000,000. Kerajaan mengutip RM 337.6 juta hasil duti import dan cukai eksais ke atas tembakau, rokok dan cerut. Hampir 7,500 orang mati setiap tahun akibat barah paru-paru; 90 peratus daripadanya perokok.

Bagi membendung permasalahan ini, pihak kerajaan telah mewujudkan Peraturan 8 A Kawalan Hasil Tembakau (1997) adalah menjadi satu kesalahan bagi remaja yang berumur 18 tahun ke bawah untuk merokok, membeli atau memiliki sebarang hasil tembakau. Remaja-remaja yang didapati bersalah di bawah peraturan ini, boleh dikenakan kompaun sehingga RM 1000.00.

Di samping itu juga, pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai kawalan dan akta berkaitan dengan iklan rokok bagi mengatasi masalah merokok di kalangan remaja amnya. Di mana iklan dan tajaan rokok tidak lagi dibenarkan bermula dari 23 September 2004. Hanya tajaan bola sepak dan perlumbaan Formula 1 dibenarkan buat sementara waktu. Tajaan bola sepak dibenarkan sehingga akhir tahun 2004, manakala Formula 1 pula sehingga akhir tahun 2005. Di bawah akta yang baru, iklan rokok tidak lagi dibenarkan di tempat-tempat jualan rokok seperti kedai runcit, kedai kopi dan pasar raya. Akta tersebut juga melarang penjualan rokok dengan kotak yang telah dibuka atau secara sebatang dua. Ia hanya boleh dijual di dalam kotak yang mengandungi tidak kurang daripada 20 batang (Rusli Hashim, 2005).

Masalah sosial yang terjadi kebelakangan ini juga adalah akibat kegagalan semua pihak sama ada remaja, ibu bapa dan masyarakat terutamanya yang beragama Islam dalam menghayati ajaran Islam dengan sebenarnya (Dakwah, Mac 1997).

Ini bertepatan dengan kehendak ajaran Islam itu sendiri di mana ajaran Islam melarang umatnya melakukan sesuatu yang membahayakan diri dan masyarakat seperti mana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisa ayat 195 yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, jangan anda makan harta setengah kamu dengan jalan tidak betul (kebatilan), melainkan ada persetujuan di antara kamu, dan jangan membunuh diri anda, sesungguhnya Allah Maha Penyayang”*.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Perlaksanaan disiplin sekolah yang berkesan adalah penting untuk membentuk golongan pelajar berkeperibadian dan bersemangat kebangsaan. Bagaimanapun perlaksanaannya bergantung kepada sokongan, rasa tanggungjawab bersama, kesedaran dan penglibatan aktif pihak tertentu, khasnya guru, ibu bapa serta para pelajar sendiri (Chariya, 1986).

Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah menjadikan bangunan dan kawasan sekolah di seluruh negara sebagai kawasan larangan merokok. Dalam surat pekeliling Iktisas Bil 5/1997 yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri menyatakan bahawa semua premis sekolah sama ada di kawasan terbuka atau di dalam bilik atau di tempat terselindung adalah termasuk dalam kawasan larangan merokok. Menjadi persoalannya ialah sejauh manakah peraturan ini dilaksanakan dan memberi kesan positif dalam masalah merokok di kalangan pelajar ?.

Kegiatan merokok merupakan salah satu aktiviti yang tidak sihat yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah pada hari ini. Pelbagai kempen dilakukan oleh kerajaan bagi mencegah remaja dari merokok dan penyingkiran pelajar dari sekolah setelah diberi amaran bukanlah tindakan baru oleh Kementerian Pelajaran. Kempen juga

dijalankan sama ada melalui media cetak, media elektronik serta penyebaran poster ke sekolah-sekolah. Inilah menunjukkan seriusnya masalah merokok di kalangan pelajar sekarang. Tindakan pelajar yang merokok tanpa menghiraukan papan-papan tanda larangan merokok sama ada di dalam kawasan sekolah atau di tempat-tempat awam begitu amat ketara ketika ini. Perbuatan ini wajar dihentikan bagi membentuk golongan remaja yang sihat demi untuk pembangunan negara pada masa akan datang (Dewan Masyarakat, Ogos 1997).

Manakala Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Al Haji Mohamad (1994) mengatakan bahawa rakan sebaya di alam persekolahan adalah kumpulan rujukan para remaja yang memberi sokongan moral kepada muda-mudi dalam mencari identiti diri dan pembentukan imej mereka. Rakan sebaya memberi peluang untuk mengikut standard kumpulan itu daripada aspek-aspek pakaian, pergaulan, pertuturan, orientasi kepada muzik, tarian dan lain-lain. Masalah timbul apabila pendedahan selama ini hanya merangkumi nilai-nilai yang buruk dan bukan yang baik yang seterusnya membawa kepada keruntuhan disiplin dan moral mereka.

Selain dari itu, Komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dengan anak menyumbang ke arah pembentukan disiplin yang baik. Tanpa hubungan yang baik anak-anak akan merasa diri mereka diberi perhatian, tidak diperlukan dan tidak disayangi. Justeru itu, anak-anak ini kemungkinan akan melibatkan diri dalam masalah disiplin. Selain itu, daripada kajian ini juga mendapati bahawa ibu bapa perlu memberikan perhatian yang lebih dan mengambil berat dari aspek mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak memperoleh kasih sayang daripada ibu bapa beerti anak-anak kemungkinan besar kurang melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak diingini dan kurang masalah disiplin di kalangan mereka (Siti Nor Yaacob, Abdullah Al Hadi Haji Mohamed et. al 1994).

Bukti ini bertepatan dengan pendapat Hassan Mohd Ali (1997) yang menyatakan bahawa peranan ibu bapa seringkali dikaitkan dengan pembentukan tingkah laku, sahsiah, dan moral anak-anak. Ibu bapa adalah modal terbaik untuk anak-anak. Mereka juga adalah “role model” yang terdekat dengan anak-anak untuk dicontohi. Segala tindak tanduk sama ada yang baik atau buruk akan diperhatikan dan diikuti oleh anak-anak. Malangnya anak-anak akan cepat terikut dengan contoh yang buruk daripada yang baik.

Pengaruh iklan merupakan faktor persekitaran yang mampu menarik minat seseorang itu untuk merokok. Ini disokong oleh Rusli Hashim (2005:46) pengaruh iklan rokok suatu ketika dahulu seperti Dunhill mendapat tajaan bola sepak di bawah Liga Dunhill, Marlboro memaparkan imej “Koboi” dan Salem memaparkan percutian kumpulan muda-mudi di kawasan pergunungan yang dingin. Setiap jenama ini membawa mesej bukan sahaja tentang keenakkan merokok, bahkan ada juga yang menyematkan gambaran kejayaan, kemewahan, keunggulan dan berbagai-bagai lagi. Pengaruh iklan-iklan seumpama ini begitu mendalam, sehingga ramai di kalangan masyarakat cuai akan aspek yang kurang sihat ini.

Sehubungan dengan itu, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu sehaluan dan bergabung tenaga dalam menangani masalah disiplin dan akhlak pelajar. Sekiranya masalah ini dibiarkan berterusan, negara tidak akan mencapai seperti mana yang dikehendaki dalam wawasan 2020 iaitu mewujudkan sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur (Mahathir, 1991).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini akan mengkaji tentang tingkah laku merokok di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor. Antara aspek yang akan dikaji termasuklah faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor persekitaran.

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk :

- i. Mengetahui faktor rakan sebaya yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam kegiatan merokok.
- ii. Mengetahui faktor keluarga yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam kegiatan merokok.
- iii. Mengetahui faktor persekitaran yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam kegiatan merokok.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan dari objektif kajian di atas, beberapa persoalan telah dibentuk seperti :

- i. Apakah tahap pengaruh rakan sebaya yang mempengaruhi tingkah laku pelajar merokok ?
- ii. Apakah tahap pengaruh keluarga yang mempengaruhi tingkah laku pelajar merokok ?
- iii. Apakah tahap pengaruh persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku pelajar merokok ?